

# Nama calon Telok Kemang diserah kepada PM

UM 11 MAY 2000

PORT DICKSON 10 Mei — MIC telah memilih seorang calon yang dianggap menepati lima kriteria yang diperlukan oleh parti tersebut untuk bertanding pada pilihan raya kecil Parlimen Telok Kemang yang dijadualkan berlangsung pada 10 Jun ini.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, nama calon tersebut juga telah diserahkan kepada Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk persetujuan, pagi semalam.

Katanya, nama calon itu akan diserahkan kepada Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad sebaik sahaja beliau menerima pengesahan daripada Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) dalam tempoh terdekat ini.

Beliau bagaimanapun, enggan menjawab sebarang soalan mengenai calon berkenaan.

“Buat masa sekarang jangan tanya saya siapa calon ini kerana semua pertanyaan akan terjawab sebaik sahaja Perdana Menteri mengesahkan nama yang dihantar pagi semalam.

“Tetapi, jangan bimbang kerana calon tersebut adalah penduduk tempatan,” katanya ketika ditemui selepas mengadakan mesyuarat dengan

ketua-ketua MIC bahagian negeri ini di sini.

Sebelum ini, Samy Vellu memberitahu, MIC akan memilih calon yang menepati lima kriteria yang diperlukan iaitu muda, berkaliber, kuat bekerja, suka bergaul dengan masyarakat dan penduduk tempatan.

## Kosong

Kerusi Parlimen Telok Kemang kosong berikutan kematian penyandanginya, S. A. Anpalagan baru-baru ini.

Pemimpin muda MIC itu telah memenangi kerusi Parlimen Telok Kemang pada pilihan raya umum November lalu dengan menewaskan calon DAP, N. Gopalakrishnan dengan majoriti 9,942 undi.

Bagaimanapun, nama Setiausaha Politik Samy Vellu, S. Sothinathan dan Ketua Pemuda MIC Negeri Sembilan M. Sasasey disebut-sebut antara dua calon pilihan.

Apatah lagi, kedua-dua mereka adalah penduduk tempatan Port Dickson.

Pengumuman nama calon ahli Parlimen Telok Kemang itu dijangka diumumkan oleh Mohd. Isa minggu depan.

Penamaan calon akan berlangsung pada 30 Mei ini.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, MIC bersedia untuk menghadapi mana-mana calon pembangkang termasuk bekas ahli MIC cawangan Panchor, K. Rehegan yang dijangka bertanding atas tiket parti bebas.